

UCAPAN OLEH YB DATUK HUSSEIN ONN,
NAIB YANG DIPERTUA UMNO, DI
UPACARA PEMBUKAAN MESYUARAT PER-
WAKILAN UMNO BAHAGIAN KAWASAN
MORIB, PADA HARI SABTU, 14hb
APRIL, 1973, DI DEWAN ORANG RAMAI,
BANTING, JAM : 10.00 PAGI.

1. Saya ucapkan terima kasih kepada YAB Datuk Ketua dan Ahli-Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kawasan Morib, kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Perwakilan Bahagian ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli UMNO bahagian ini, di atas sokongan dan kepercayaan mereka memilih saya sebagai Naib Presiden parti kita. Saya sedar betapa beratnya tanggungjawab yang telah tuan /berikan kepada saya terhadap parti dan negara kita. Saya berdoa semoga saya layak menerima kepercayaan dan tanggungjawab itu.

. . .2/

2. UMNO telah dilahirkan dalam suasana yang penuh derita dan kesengsaraan. Ianya dicipta dan dilahirkan semata-mata kerana kedudukan dan keselamatan orang-orang Melayu /terancam di negara ini. Tidak ada saat dan ketika lain yang lebih membanggakan seseorang itu, selain daripada masa ianya memperjuangkan keselamatan bangsa. Beribu-ribu orang Melayu telah menyahut seruan itu. UMNO pada hari ini telah menjadi satu parti politik yang bersatu-padu, tegoh dan mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan bijaksana. Ini semua, adalah hasil pengorbanan, dedikas taatsetia dan usaha-usaha yang jujur daripada beribu-ribu orang yang telah saya sebutkan tadi.

3. Kekuatan asas UMNO terletak di atas perhubungan yang harmoni di antara tiga golongan golongan tua, golongan wanita dan golongan muda. Tidak ada satu golongan pun yang boleh cuba memaksa golongan-golongan lain. Jika perkara ini berlaku, ia akan menimbulkan bencana dan perpecahan serta keruntuhan parti. Pengasas-pengasas Perlembagaan parti kita, telah memikirkan kemungkinan ini terlebih dahulu, dan itulah sebabnya diadakan peruntukan dalam Perlembagaan supaya kegiatan-kegiatan parti dilaksanakan di bawah kuasa dan arahan Perhimpunan Agong.

4. Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, UMNO sebagai salah sebuah daripada tiga parti dalam Perikatan, telah menjadi Parti Pemerintah. Satu daripada matlamat yang masih belum dicapai lagi ialah^mewujudkan sebuah negara Malaysia yang dinamis dan bersatupadu. Kedua-dua rakan kita dalam Perikatan mempunyai matlamat yang sama. Walau bagaimanapun, tidaklah memadai perkara ini disebut-sebut sahaja tetapi hendaklah dikotakan. MCA dan MIC juga telah berusaha sedaya-upaya untuk mencapai matlamat ini, meskipun mereka menghadapi berbagai-bagai kesulitan.

5. Masih banyak lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu. Keadaan tidak seimbang,terutamanya dalam lapangan ekonomi dan pelajaran,masih memerlukan pemulihan. Saya yakin,dengan adanya kesedaran orang-orang Melayu di atas kelemahan mereka,dan dengan ber-
dan pemikiran
tambahnya jenerasi/baru di kalangan orang-orang Melayu, Insya'Allah, kesulitan-kesulitan ini akan dapat diatasi.

(5a)

Dalam bidang pelajaran, kita masih lagi
menghadapi banyak kesukitan². Antara,
kurang sangat anak² kita mempelajari
sains dan technology; mutu pengatahuan belum
lagi memuaskan; sikap ibupapa ^{dan}
~~pelajar~~ ^{anak²nya} sangat mengorbankan
terhadap pelajaran anak²nya, masih belum
banyak berubah; bergitu juga sikapnya
terhadap kesihatan anak²nya.

pepeksan
Keputusan SP17 tahun 1972 amatlah tidak
memuaskan, bergitu juga keputusan HSC.
Saya memaafkan berat atas perkara ini.
Kementerian saya sudah ^{siap} membuat analisis
berkaitan dengan keputusan ^{pepeksan}.

PM dan akan

mengumumkan negara

dalam minggu hadapan.

Berkenaan dengan kesetiaan HSC
pula, ini akan melibatkan kekurangan

bilangan permentut² melayer masuk

ke universiti², terutamanya ke fakulti²
perubatan, sains & kejuruteraan.

Saya menyebut hal ini supaya
mashurakat melayer dan ibu² bapa

sedar atas kelemahan² kita dalam

bidang pelajaran. Dalam segi

invok ahli² urus² mesti patut

memainkan peranan yang lebih giat

lagi.

6. Dalam Pertubuhan UMNO ada terdapat tenaga yang dinamis, dan dengan pimpinan yang baik dan bijak, ianya dapat memberikan keuntongan kepada parti dan negara.

Marilah kita bersama-sama berbakti dan berkhidmat dalam membangunkan nusa dan bangsa.

Marilah kita baharui azam kita untuk kebahagiaan dan masa depan negara kita.

Marilah kita, dari semua bangsa, sama-sama mara ke hadapan dan menegakkan satu masyarakat yang adil dan negara yang aman, makmur dan bersatu-padu.



No Siri	544
No. Penerimaan	189 / 80